

24 FEB 2001

PAK LAH TIBA DI KAHERAH BAGI SIDANG KEMUNCAK D8

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 24 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di Kaherah hari ini bagi sidang kemuncak ketiga ketua-ketua negara dan kerajaan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8).

Sidang kemuncak pertama diadakan di Istanbul pada 1997 sementara Dhaka menjadi tuan rumah sidang kedua, dua tahun lepas.

Sidang kemuncak itu yang akan dirasmikan oleh Presiden Mesir Hosni Mubarak akan diadakan di istana kediaman presiden di Heliopolis, di sini.

Seorang pegawai Wisma Putra berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat datang ke Kaherah kerana perlu menguruskan hal ehwal dalam negeri.

Petang ini Abdullah dijadual bertemu penuntut-penuntut Malaysia di Asrama Malaysia Abbasia, di sini.

Abdullah juga dijadual mengadakan perbincangan bersama Mubarak dan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Beliau juga akan menjadi tetamu kehormat di majlis makan malam yang dianjurkan oleh duta Malaysia ke Mesir Datuk Abu Bakar Daud di kediamannya esok.

-- BERNAMA

MAM NHA HS PR